

Pharmaniaga untung RM53.948j

KUMPULAN Pharmaniaga mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM53.948 juta bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2009, berbanding RM66.103 juta pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Pengarah Urusannya, Mohamad Abdullah, berkata penguncupan itu berikutan margin keuntungan kasar yang lebih rendah.

Katanya, pendapatan kumpulan disifatkan stabil kerana hanya turun kepada RM976.89 juta daripada RM977.403 juta sebelum

-ini.

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2009, kumpulan itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM9.427 juta, berbanding RM17.641 juta dalam tempoh sama 2008.

Bagaimanapun, pendapatan meningkat kepada RM329.962 juta daripada RM314.288 juta pada suku

sama tahun sebelumnya.

"Berikutan penambahbaikan jualan konsesi dan jualan anak syarikat Indonesia, masing-masing meningkat 9.3 peratus dan 15.1 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.